

17 APR 2001

KWSP-Pilihan

PEKERJA BOLEH BUAT PILIHAN MENGENAI CARUMAN KWSP

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kerajaan memutuskan untuk memberi pilihan kepada para pekerja sama ada hendak mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada 9 peratus atau mengekalkan kadar caruman asal mereka.

Keputusan itu, yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini, adalah selaras dengan peruntukan Akta KWSP.

"Kerajaan yakin keputusan hari ini yang memberi pilihan kepada pekerja untuk membuat caruman masing-masing akan disambut baik oleh para pekerja di seluruh negara," menurut kenyataan itu.

Seksyen 43(4) akta itu menyatakan bahawa pekerja boleh pada bila-bila masa memilih untuk membayar caruman pada kadar yang melebihi kadar yang dikanunkan.

Cadangan kerajaan untuk mengurangkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11 peratus kepada 9 peratus diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat pada 27 Mac lepas.

Ia merupakan satu langkah awal untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi perniagaan tempatan ekoran kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang merupakan sebuah negara dagang utama Malaysia.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik keputusan kerajaan memberikan pilihan kepada para pekerja mengenai caruman mereka dalam KWSP.

Presiden MTUC Zainal Rampak ketika dihubungi, berkata jawatankuasa kerja MTUC pada mesyuaratnya 6 April telah menasihati pekerja supaya terus membuat caruman 11 peratus kerana ini menguntungkan mereka dari segi jangka panjang.

"Kami menyambut baik keputusan kerajaan memberikan pekerja membuat opsyen... dari satu segi ini selaras dengan kehendak MTUC supaya pekerja meneruskan potongan 11 peratus KWSP," katanya.

Selaras dengan keputusan kerajaan itu, beliau berharap pihak majikan menerima apa jua pilihan yang dibuat oleh pekerja mengenai kadar caruman mereka kepada KWSP.

"Jika pekerja mahu terus mencarum 11 peratus kepada KWSP, pihak majikan hendaklah menerimanya dan tidak memaksa pekerja mengurangkan potongan itu," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RON